

28/10/1998

Siti Aminah, Dhari mulakan tilawah

MELAKA, Selasa - Dua daripada 29 peserta qari serta qariah majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-41 memperdengarkan bacaan mereka malam ini.

Mereka ialah johan qariah tahun lalu, Siti Aminah Awang, serta peserta dari Sarawak, Dhari Bigek, manakala peserta lain pula akan memperdengarkan bacaan masing-masing mulai esok.

Lebih 5,000 umat Islam hadir di majlis tilawah yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Kubu di sini, malam ini.

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Abdul Samad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam; Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Idris Jusoh; Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Mohammad Yaacob dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan doa oleh Mufti Negeri, Datuk Rashid Redza Mohd Salleh, diikuti bacaan ayat suci oleh johan qariah sekolah peringkat kebangsaan tahun ini, Mini Munawarah Abdul Majid.

Ini diikuti ucapan Abu Zahar sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengelola Majlis Pengelola dan ucapan perasmian Perdana Menteri.

(END)